

BAB 1

PENGENALAN

BAB 1

Pengenalan

1.1 Definasi Etnobotani

Etnobotani adalah salah satu daripada bidang kajian sains yang baru diperkenalkan iaitu pada akhir kurun ke-18. Harshberger (1896) merupakan orang yang mula-mula memperkenalkan konsep Etnobotani, menurut beliau Etnobotani adalah suatu disiplin sains yang merangkumi pengajian mengenai tumbuh-tumbuhan yang digunakan oleh orang-orang primitif dan orang asli. Idea ini mungkin dipengaruhi oleh anggapan bahawa masyarakat primitif dan orang asli menggunakan bilangan spesies tumbuhan lebih tinggi berbanding masyarakat yang telah maju. Pada tahun 1941, Jones telah mendefinisikan Etnobotani secara lebih umum iaitu tidak terikat pada mana-mana kaum atau masyarakat yang tertentu. Menurut beliau Etnobotani adalah sebagai suatu kajian mengenai hubungan di antara manusia dengan tumbuh-tumbuhan. Schultes (1967) pula mengaitkan konsep Etnobotani dengan persekitaran iaitu kajian mengenai perhubungan di antara manusia dengan vegetasi di persekitaran ambian. Definasi Etnobotani yang terdahulu ini telah dikembangkan oleh Ford (1978) kepada maksud yang lebih moden dan spesifik. Menurut beliau Etnobotani adalah kajian mengenai hubungan secara langsung di antara manusia dengan tumbuh-tumbuhan dalam suatu kebudayaan/masyarakat iaitu merujuk kepada kepentingan tumbuhan dalam cara hidup manusia. Heiser (1985) hanya menggunakan konsep yang diperkenalkan oleh Jones (1941).

Secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa Etnobotani adalah suatu bidang ilmu yang mengkaji perhubungan secara langsung yang wujud di antara manusia dengan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekeliling mereka. Ia merujuk kepada kepentingan tumbuh-tumbuhan untuk keterushidupan manusia iaitu bagaimana manusia menggunakan sesuatu tumbuhan dan apakah kepentingan tumbuhan tersebut tehadap mereka.

1.2 Orang Asli

Orang Asli adalah masyarakat pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Masyarakat ini dipercayai sebagai satu kelompok terawal yang menduduki Tanah Melayu (Raffie, 1972). Masyarakat Orang Asli Proto-Malays dikatakan telah sampai ke Tanah Melayu antara 2500-1500 sebelum Masehi (Rajmah, 1971). Beberapa penulis lain pula mengatakan bahawa suku kaum Negrito telah datang ke Tanah Melayu lebih kurang 25,000 tahun yang lalu. Tetapi ke semua andaian ini tidak dapat dibuktikan dengan jelas (Carey, 1976).

Menurut Carey (1976) pada masa pemerintahan British di Semenanjung Malaysia, masyarakat Orang Asli ini dipanggil dengan nama ‘Sakai’. Pada tahun 1955 pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengenali mereka dengan nama ‘Orang darat’ atau ‘Orang dalam’ yang merujuk kepada tempat tinggal mereka yang jauh di dalam hutan. Akhirnya masyarakat ini dikenali sebagai ‘Orang Asli’ yang digunakan sehingga ke hari ini.

Masyarakat Orang Asli ini telah dikelaskan oleh ahli etnologi kepada tiga kumpulan etnik yang utama. Pengelasan terawal dibuat oleh Skeat dan Blagden (1906) dan kemudiannya oleh Schebesta (1926) dikenali sebagai Semang, Sakai, dan Jakun yang berdasarkan kepada perbezaan dari segi bangsa, bahasa dan kebudayaan. Menurut Winstedt (1959), perkataan Semang telah ditukar kepada Negrito, Sakai pula dikenali sebagai Senoi dan kaum Jakun juga dikenali sebagai Proto Malays. Carey (1976) dalam bukunya yang bertajuk Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia membincangkan Orang Asli ini sebagai Negrito, Senoi dan Proto Malays. Pada masa kini ketiga-tiga kumpulan etnik ini dikelaskan sebagai Senoi, Negrito dan Melayu Asli (JHEOA).

Daripada tiga kumpulan etnik utama tersebut, masyarakat Orang Asli ini terbahagi pula kepada beberapa suku kaum yang berlainan. Mereka kebanyakannya menduduki kawasan hutan, pinggir hutan, lereng bukit dan gunung di sepanjang banjaran utama.

Bangsa Senoi terbahagi kepada enam suku kaum yang berlainan iaitu Temiar, Jahut, Semai, Che Wong, Semoq Beri dan Mahmeri. Mereka tinggal tetap di satu-satu penempatan dan menjalankan pertanian pindah. Sebahagian besar daipada suku kaum ini menduduki hutan di sepanjang banjaran utama, terutamanya di bahagian tengah dan utara negeri Perak, sempadan Perak/Kelantan dan Perak/Pahang, manakala sebilangan kecilnya pula tinggal di kawasan pantai negeri Selangor. Mereka mempunyai warna kulit yang lebih cerah daripada bangsa Negrito, kebanyakannya berambut ikal dan mempunyai bentuk badan yang lebih sasa (Carey, 1976 ; Kasimin, 1993).

Bangsa Negrito juga terbahagi kepada enam suku kaum iaitu Kensiu, Kintaq, Jahai, Lanoh, Mendriq dan Batek. Mereka merupakan satu-satunya masyarakat Asli di Malaysia

yang masih berpindah randah tetapi keadaan ini semakin berkurangan apabila kerajaan mula memperkenalkan program penempatan semula. Kebanyakannya tinggal di kawasan hutan yang bersempadan di antara negeri Perak/Kedah dan Perak/ Kelantan. Sebilangan kecilnya pula tinggal di kawasan hutan di Pahang, Selangor dan Melaka. Bangsa Negrito ini berkulit hitam, berambut kerinting dan bertubuh kecil (Carey, 1976 ; Kasimin, 1993).

Kumpulan etnik yang ketiga iaitu Melayu Asli terdiri dari suku kaum Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Laut. Mereka mempunyai perawakan yang hampir menyamai masyarakat Melayu, berkulit cerah dan berambut lurus. Mereka tinggal tetap di sesuatu penempatan dan menjalankan kegiatan pertanian. Masyarakat Asli ini terdapat di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Majoritinya tinggal di kawasan hutan di negeri Pahang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Hanya sebilangan kecil daripada suku kaum ini terdapat di negeri Perak dan Melaka (Carrey, 1976 ; Kasimin, 1993).

Jadual 1 menunjukkan secara terperinci jumlah masyarakat bagi setiap suku kaum Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia yang diambil daripada Jabatan Hal Ehwal Orang bagi bancian penduduk tahun 1991. Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.

Jadual 1 : Jumlah masyarakat Orang Asli bagi setiap suku kaum di Semenanjung Malaysia

Kumpulan Etnik					
SENOI		NEGRITO		MELAYU ASLI	
suku kaum	bilangan	suku kaum	bilangan	suku kaum	bilangan
Semai	25 248	Kensiu	134	Temuan	14 501
Temiar	12 826	Kintak	107	Semelai	3 320
Jahut	2 885	Jahai	782	Jakun	14 263
Che Wong	204	Lanoh	218	Orang Kanaq	37
Mahmeri	1 960	Mendrik	135	Orang Kuala	2 271
Semoq Beri	2 486	Batek	988	Orang Seletar	1 088
Jumlah	45 609	Jumlah	2 364	Jumlah	35 480
JUMLAH KESELURUHAN = 83 453					

Bancian tahun 1991
Sumber : JHEOA

Rajah 1 : Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia



Sumber : JHEOA

1.3 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk :

1. Mendokumentasikan tumbuh-tumbuhan berguna yang digunakan oleh masyarakat Asli yang dikaji.
2. Membuat perbandingan dari segi persamaan dan perbezaan penggunaan serta kepelbagaiannya spesies-spesies tumbuh-tumbuhan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli daripada suku kaum yang berbeza.
3. Untuk melihat pengaruh serta tahap kebergantungan masyarakat asli yang dikaji ini terhadap tumbuh-tumbuhan di dalam kehidupan mereka.
4. Menjadikan tesis ini sebagai rujukan etnobotani untuk para pengkaji dan masyarakat lain serta masyarakat Orang Asli sendiri pada masa akan datang, terutamanya apabila kebanyakan spesies tumbuhan tersebut diancam pupus akibat daripada pemusnahan hutan serta kurangnya pengetahuan mengenai penggunaannya.
5. Menambah pengetahuan mengenai masyarakat Orang Asli yang dikaji dari segi cara kehidupan, cara mereka meneruskan kehidupan di dalam persekitaran yang dianggap unik berbanding dengan masyarakat moden, perhubungan mereka dengan alam sekeliling terutamanya hutan, kepercayaan dan sebagainya.
6. Mengenalpasti beberapa masalah yang timbul dalam kehidupan sehari-hari mereka terutamanya akibat pemusnahan hutan oleh aktiviti pembalakan, projek penanaman getah dan kelapa sawit oleh agensi kerajaan, mewartakan hutan penempatan mereka sebagai kawasan terlindung/taman negara dan sebagainya yang memberi kesan serta perubahan besar dalam kehidupan tradisi mereka.